

## **Penyalahgunaan Living Hadis Dalam Kalangan Kelompok Liberal: Satu Sorotan Literatur Secara Sistematik**

**Norsaleha Mohd. Salleh<sup>1</sup>, Lilly Suzana Hj Shamsu<sup>2</sup>, Rosni Wazir<sup>1</sup>, Abur Hamdi Usman<sup>1</sup>, Farid Ravi Abdullah<sup>1</sup>, Abu Zaki Ismail<sup>1</sup> dan Nurul Ain Burhanuddin<sup>1</sup>**

**<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
Malaysia**

**<sup>2</sup>Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam**

**Correspondence: Norsaleha Mohd. Salleh (norsaleha@kuis.edu.my)**

### **ABSTRAK**

*Living Hadis adalah penjelmaan hadis dalam bentuk kepercayaan dan pengamalan yang telah bercanggah dari makna hadis yang hakiki. Pengambilan makna hadis yang bercanggah ini telah digunakan oleh kelompok liberal dalam menegakkan hujah mereka. Kajian ini bertujuan untuk membuat sorotan literatur secara sistematis ke atas hadis-hadis Rasulullah SAW yang telah digunakan oleh kelompok Liberal. Metodologi kajian menggunakan kaedah pemerhatian ke atas latar belakang, gaps perbincangan, metod dan dapatan bagi setiap hadis yang digunakan oleh kelompok Liberal. Pengecaman terhadap kelompok Liberal dilaksanakan melalui penilaian dan perbandingan terhadap penyelewengan maksud hadis dan pemikiran Liberal yang dipromosikan melalui laman web dan portal mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hadis-hadis Rasulullah SAW telah diselewengkan dari segi pemahaman makna hadis mengikut kepentingan diri sendiri. Kajian ini memberi impak terhadap kesedaran masyarakat agar dapat memelihara dan menjaga konteks ketepatan hadis.*

**Kata kunci : Living Hadis, Liberal, Masyarakat, Kesedaran, Literatur.**

### **ABSTRACT**

*Living Hadith is the embodiment of the hadith in the form of beliefs and practices that have contradicted the essential meaning of hadith. The contradiction of this conflicting hadith has been adopted by liberal groups in upholding their argument. The study aims to make systematic literature outline on the hadiths of Rasulullah SAW which has been adopted by the Liberal group. The methodology of the study uses observation methods on the background, discussion gaps, methods and findings for each hadith used by the Liberal group. The identification of Liberal groups is carried out through the evaluation and comparison of abuses of the meaning of the Hadith and Liberal thought promoted through their websites and portals. The findings show that the hadiths of the Prophet (pbuh) have been misinterpreted in the sense of the meaning of the hadith according to self-interest. This study has an impact on the awareness of the community in order to preserve and safeguard the context of the correctness of the hadith.*

**Keywords:** *Living Hadith, Liberal, Society, Awareness, Literature.*

## PENDAHULUAN

Terma *Living Hadis* sendiri disebut sebagai “*Sunnah yang hidup*” atau “*Living Sunnah*”. Penafsiran yang diterapkan sebenarnya adalah mirip Ijma’ dari para ulama’ waktu itu. Mereka berusaha menemukan apa yang terkandung dari hadis yang berkaitan dengan masalah yang ingin mereka selesaikan. Kefahaman yang betul dan tepat terhadap fungsi dan peranan hadis dapat mengelakkan salah faham terhadap hadis-hadis Rasulullah SAW. Perbahasan mengenai *Living Hadis* banyak sekali dibicarakan pada saat ini, kerana *Living Hadis* merupakan sebuah kajian yang berada pada dua sisi; pertama, sejarah dan yang kedua; mengenai fenomena sosial yang terdapat dalam masyarakat berdasarkan dari hadis mahupun kehidupan seharian Rasulullah SAW (Firdiana, 2014).

Menurut Aminudin Basir @ Ahmad, Mohd Radzi Othman & Nik Yusri Musa (2006) dalam kajiannya iaitu Konsep Al-Sunnah Menurut Ahli Hadis membincangkan tentang dasar kesempurnaan, al-Sunnah telah mengemukakan kepelbagaiannya sistem hidup manusia yang universal, teratur, terperinci serta bersesuaian dengan setiap bangsa di dunia ini tanpa mengira tempat dan masa. Dalam hubungan ini al-Syafi'iyy meriwayatkan dengan sanadnya sehingga sampai kepada al-Muttalib Ibn Hattab, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “*Tidak aku tinggalkan sesuatu dari apa yang Allah telah perintahkan kamu dengannya melainkan telah aku perintahkan kamu dengannya dan tidak aku tinggalkan sesuatu dari apa yang Allah melarang kamu terhadapnya melainkan telah aku melarang kamu darinya*” (*al-Risalat*: ms. 86-87, No. 289).

Imam Muslim meriwayatkan dengan sanadnya sampai kepada Salman al-Farisiyt, beliau berkata yang bermaksud: Golongan musyrikin berkata kepada kami: “*Sesungguhnya aku melihat sahabat kamu (iaitu Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada kamu (segala perkara) sehingga (adab) membuang najis.*” Salman berkata: “*Benar, sesungguhnya baginda melarang kami beristinjak dengan menggunakan tangan kanan*” (Sahih Muslim bersama Syarh al-Nawawi: jil. 3, ms. 194, no. 262). Kenyataan ini begitu jelas menggambarkan betapa sempurna ajaran Islam yang dibawa oleh al-Sunnah. Walaubagaimanapun, terdapat golongan yang menyalahgunakan maksud hadis mengikut kepentingan diri sendiri. Golongan ini telah menjelmakan hadis dalam bentuk kepercayaan dan amalan yang tidak selari dengan makna yang sebenar. Menurut Ramli Abdul Wahid (2017) kelompok liberal telah menggunakan *Living Hadis* yang telah bergeser dengan makna hakiki.

## TUJUAN KAJIAN

Pengaruh utama yang dibawa oleh Islam apabila memasuki Tanah Melayu ialah terhadap aqidah dan kepercayaan. Kepercayaan masyarakat Melayu pada peringkat permulaan adalah berbentuk *animisme*. Dalam kepercayaan ini mereka menganggap setiap benda mempunyai semangat dan kuasa ghaib. Kedatangan Islam telah mengubah *world-view* masyarakat Melayu daripada roh, semangat dan dewa-dewa kepada mempercayai Tuhan yang Maha Esa, percaya kepada para Nabi, Rasul, Malaikat dan kitab-kitab suci. Serangan pemikiran juga dikenali sebagai *al-ghazw al-fikri* dalam bahasa Arab iailah satu istilah kontemporari yang amat popular pada masa kini. Sebagai serangan yang bukan berbentuk fizik, ia mempunyai karakteristik yang hampir sama dengan *brain washing* atau istilah lain *thought control* atau *ideological reform*. Penerimaan kebenaran pada pemikiran seseorang memerlukan pembersihan terhadap kepercayaan lama orang tentang makna kebenaran (Rifyal Ka'abah, 1994). Tujuan utama kajian untuk mengenalpasti penggunaan *Living Hadis* dalam kalangan kelompok liberal dan menganalisa status hadis yang digunakan.


## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti dapatan. Metodologi kajian menggunakan kaedah pemerhatian ke atas latar belakang, gaps perbincangan, metod dan dapatan bagi setiap hadis yang digunakan oleh kelompok liberal. Pengecaman terhadap kelompok liberal dilaksanakan melalui penilaian dan perbandingan terhadap penyelewengan maksud hadis dan pemikiran liberal yang dipromosikan melalui buku, laman web dan portal mereka. Kajian ini bertujuan mengenalpasti apakah *Living Hadis* yang digunakan dalam kalangan kelompok liberal dan menganalisa status hadis yang digunapakai.

## *Pelaksanaa Carian*

Bagi tujuan mengetahui status hadis yang digunakan oleh kelompok liberal, pemerhatian dilakukan terhadap *database* hadis yang dibangunkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM), laman web *dourar*, *islamweb.net* dan *laman hdith.com*. Takhrij merupakan penyelidikan komprehensif terhadap kewujudan sesebuah hadis dalam pelbagai rujukan, memahami perkataan yang berbeza dan bercanggah.

## Frasa 1- Carian Primari



Jadual 1 memaparkan sorotan literatur secara sistematik meliputi latar belakang, gaps perbincangan, metod dan dapatan bagi setiap hadis yang digunakan oleh kelompok liberal. Prinsip matrik sorotan sistematik literatur atau *systematic literature review* (SLR) telah diikuti oleh ramai pengkaji mutakhir ini bagi melihat dengan jelas fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi et al, 20016). Dalam kajian ini kata kunci “Living Hadis”, “liberal”, “Masyarakat”, “Kesedaran” dan “Literatur” telah digunakan bagi mendapatkan data kajian. Daripada sejumlah 12 dapatan hadis digunakan oleh kelompok liberal telah diperolehi, hanya 6 dapatan sahaja diterima untuk dianalisis kerana baki yang lain dilihat tidak bersesuaian dengan skop kajian seperti hadis yang digunakan oleh kelompok liberal tidak berkaitan dengan *Living Hadis*. Enjin carian terdiri daripada laman web perbahasan isu semasa dan portal kelompok liberal:

1. Komuniti Muslim Universal (KMU) Malaysia
  2. Gerak Budaya
  3. <http://www.sistersinislam.org.my/>
  4. <http://www.kinity.com/>
  5. <http://www.malaysia-today.net/>

6. <https://www.ismaweb.net/2018/10/29/all-muslims-should-support-ratification-of-un-anti-racial-discrimination-treaty/>
7. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/icerd-isu-sensitif-tangani-dengan-sensitif-1.904239>

Jadual 1: Satu sorotan literatur secara sistematik kajian Penggunaan Living Hadis Dalam Kalangan Kelompok liberal

Bil	Kajian	Latar Belakang	Gaps/Perbincangan	Metode	Dapatan
1	Prof. Dr. Idris Zakaria, 2012	Islam Liberal & Penyimpangan Syariat  ( <i>Ulil Abshar Abdallah, 2005</i> )	Kata Nabi, konon, " <i>Man arada al-dunya fa'alaihi bi al-'Ilmi, wa man arada al-akhirat fa'alaihi bi al-'Ilmi;</i> ". Maksudnya: <i>Barang siapa yang hendak kepada keduniaan, hendaknya memakai ilmu, begitu juga yang hendak mencapai kebahagiaan di dunia "nanti" juga harus pakai ilmu.</i>  ( <i>HR. Thabranī</i> )	Kualitatif analisis kandungan	<p><b><i>Isu kepercayaan hanya kepada nilai-nilai ketuhanan yang universal</i></b></p> <p>1. Musuh utama semua agama ialah "ketidakadilan". Nilai yang diutamakan Islam adalah keadilan.</p> <p>2. Masalah kemanusiaan tidak boleh diselesaikan dengan semata-mata merujuk kepada "hukum Tuhan".</p> <p>3. Tanpa rasa kekok, beliau menyatakan bahawa semua agama adalah tepat berada pada jalan seperti jalan panjang menuju Yang Maha Benar.</p>
2	Mohd Aizam Bin Mas'od, 2013	Isu Ajaran Sesat (Ilmu Hakikat, Al-Arqam dan Syiah)  ( <i>Faisal Tehrani, 2008</i> )	Kononnya terdapat hadith dalam kitab Ahli Sunnah yang <b>mendiskriminasikan wanita dengan mengatakan golongan wanita adalah golongan yang paling ramai dalam neraka.</b>	Kualitatif analisis kandungan	<p><b><i>Isu cuba menimbulkan keraguan pada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dalam Sahih bukhari</i></b></p> <p>1. FT mengatakan ia satu diskriminasi terhadap kaum wanita.</p> <p>2. FT menyamakan ia bersesuaian dengan tradisi Kristian.</p>
3	Sister In Islam (SIS), 2018.	Menyokong Hak Asasi Manusia dengan meratifikasi ICERD  <i>Sister In Islam (SIS), 2018.</i>	SIS dalam kenyataan semalam turut memetik hadis dalam bahasa Inggeris: " <i>All mankind is from Adam and Eve, an Arab has no superiority over a non-Arab nor a non-Arab has any superiority over an Arab;</i>	Kualitatif analisis kandungan	<p><b><i>Isu mengharuskan ratifikasi ICERD</i></b></p> <p>1. Sambil memetik Khutbah Wada Rasulullah SAW pada 9 Zulhijjah tahun 10 Hijrah, SIS berkata, dengan meratifikasi</p>

			<p><i>also a white has no superiority over black nor does a black have any superiority over a white, except by piety and good action.”</i></p> <p><i>(Al-Bukhari, 1623, 1626, 6361, Muslim 98, Imam al-Tirmidhi 1628, 2046, 2085, Imam Ahmed Hanbal, Masnud 1977)</i></p>		<p>ICERD, Malaysia akan meraikan fakta bahawa Islam adalah agama rasmi negara ini, dan Islam menentang sebarang bentuk perkauman.</p> <p>2. Dalam satu kenyataan SIS berkata, antara mesej Khutbah Wada itu menekankan Islam pada asasnya menentang sebarang bentuk diskriminasi kaum.</p>
4	Sisters In Islam, 2002	Sesi Sumbang Saran Mengenai Isu Dan Masalah Anak Tak Sah Taraf  <i>(Sisters In Islam, 2002)</i>	Dalam Hadis tersebut, Aishah r.a. melaporkan: <i>Sa'd bin Abu Waqqas dan Abd' bin Zaman telah bertikai mengenai seorang budak lelaki. Sa'd berkata, “Wahai Rasulullah, dia ini anak kepada saudara saya, Utba bin Abu Waqqas, yang telah memesan dengan jelas bahawa kanak-kanak itu ialah anaknya. Lihatlah rupanya.” Abd' bin Zaman pula berkata, “Wahai Rasulullah, dia adalah adik saya kerana dia dilahirkan oleh hamba sahaya bapa saya di atas hamparan tidur bapa saya.” Rasulullah s.a.w. melihat budak itu dan mendapati rupanya sama dengan Utba. Tetapi Rasulullah s.a.w. bersabda, “Dia adalah untukmu wahai Abd' bin Zaman kerana anak adalah kepunyaan orang yang pada hamparan tidurya dia dilahirkan, dan hukuman rejam adalah untuk penzina.”</i>  <i>(Sahih Muslim Jilid II Kitab al-Nikah no: 3435)</i>	Kualitatif analisis kandungan	<p><b><i>Isu Tanggungjawab Bapa Terhadap Anak Tidak Sah Taraf</i></b></p> <p>1. Supaya diadakan peruntukan bahawa bapa juga bertanggungjawab mengenai nafkah anak tak sah tarafnya setelah dibuktikan melalui ujian perubatan bahawa anak itu adalah anaknya.</p> <p>2. Mempertanggungkan pihak bapa anak tak sah taraf membuat bayaran kewangan boleh juga dilihat sebagai suatu bentuk hukuman ke atas pihak bapa yang berdosa itu.</p> <p>3. Dari riwayat ini, adalah difahamkan prinsip bahawa “anak adalah bagi hamparan pasangan yang sah”.</p>
5	Zaidul Amin, 2016.	Dilema Umat Islam- Antara Hadis dan Quran	Dalam penulisannya di blog beliau ada menulis sebuah hadis yang menyatakan <b>“Barangsiapa</b>	Penelitian <i>Field Research</i>	<b><i>Isu menempelak Islam adalah bebas beragama.</i></b>

		(Kassim Ahmad, 2015)	<b>menukar agamanya, bunuhlah dia,</b> ” Beliau juga menyatakan kebebasan ini mutlak. Tidak ada kebebasan jika orang Islam tidak boleh menukar agamanya. Kebebasan bermakna bebas masuk (Islam) dan bebas keluar.  ( <i>Hadis Sahih Bukhari Jilid 3. No, 1362</i> )	Pemerhatian dan temubual.	1. Hadis bercanggah dengan al-Quran.  2. Hadis mengenakan hukuman bunuh terhadap orang Islam yang murtad.  3. Hukuman ini bercanggah dengan ajaran al-Quran dimana tidak ada kebebasan bagi orang Islam.
6	Tariq Ramadan, 2018.	Reformasi  (Tariq Ramdhani, 2018)	Kata akar bagi perkataan ini boleh ditemui dalam sebuah hadis masyhur Nabi, iaitu <b>“Tuhan akan menghantar kepada umat (Muslim), setiap seratus tahun, seseorang atau setengah orang yang memperbaharui (Yujaddidu) agamanya.”</b>  (Diriwayatkan oleh Abu Daud, Jilid 4 hadis no. 4291)	Kualitatif analisis kandungan	<b><i>Isu hadis Tajdid membentarkan berlakunya reformasi.</i></b>  1. Perkara tersebut seolah-olah tiada reformasi yang sebenarnya boleh berlaku jika perundangan al-Quran itu sendiri sebagai kalam Allah yang diwahyukan kepada manusia tidak dibincang atau dipersoalkan.  2. Reformasi sebenar berlaku apabila perundangan al-Quran itu/ apabila manusia boleh membincangkan dan mempersoalkan kalam Allah. Sebagaimana berlaku dalam ajaran Kristian di Barat.

## ANALISA DAPATAN

### ***Isu Kepercayaan Hanya Kepada Nilai-Nilai Ketuhanan Yang Universal***

Seorang aktivis Islam liberal Indonesia Ulil Abshar Abdallah yang juga koordinator Jaringan Islam liberal (JIL), telah menyenaraikan beberapa perkara penting mengapa Islam liberal diperlukan kini. Pertama; penafsiran Islam yang non-literal, substansial, konstektual dan sesuai denyut nadi peradaban manusia yang sedang dan terus berubah. Kedua; penafsiran Islam yang dapat memisahkan mana-mana unsur di dalamnya yang merupakan hasil budaya setempat dan mana yang merupakan nilai fundamental. Ketiga; umat Islam tidak perlu memandang dirinya sebagai “masyarakat” atau umat yang terpisah dari golongan lain. Keempat; memerlukan struktur sosial yang dengan jelas memisahkan mana kekuasaan politik dan mana kekuasaan agama. Beliau telah menyatakan pendapatnya dalam buku yang ditulis yang bertajuk “Islam Liberal & Fundamental: Sebuah Pertarungan Wacana: (2005) hlm 7-16. “Kata Nabi, konon, **“Man arada al-dunya fa’alaihi bi al-‘Ilmi, wa man arada al-akhirat**

*fa'alaihi bi al-'ilmi;*" *Mafhum:* Barang siapa yang hendak kepada keduniaan, hendaknya memakai ilmu, begitu juga yang hendak mencapai kebahagiaan di dunia "nanti" juga harus pakai ilmu". Beliau menempelak dengan menyatakan bahawa setiap bidang ada aturan, dan tidak boleh semena-mena merujuk kepada hukum Tuhan sebelum mengkajinya terlebih dahulu.

### ***Isu Cuba Menimbulkan Keraguan Pada Hadis Yang Diriwayatkan Oleh Abu Hurairah Dalam Sahih Bukhari***

Sikap Faisal Tehrani dalam menggambarkan kononnya terdapat Hadis dalam kitab Ahli sunnah yang mendiskriminasi kaum wanita dengan mengatakan kaum wanita adalah golongan yang paling ramai penghuni neraka. Pandangan yang skeptikal sengaja diberikan oleh Faisal Tehrani untuk memburuk-burukkan hadis yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal-Jamaah walhal hadis tersebut mempunyai konteks tertentu. Tindakan beliau sebenarnya telah memakan dirinya sendiri kerana hadis berkenaan bukan sahaja dibahaskan dalam kitab ahli Sunnah sebaliknya dinukilkkan dalam kitab-kitab Syiah malah matannya lebih panjang dan terperinci. FT perlu menjawab mengapa dalam riwayat-riwayat Syiah juga mendiskriminasi kaum wanita. Menurut Mohd Aizam (2013), dalam bukunya telah membidas kenyataan Faisal Tehrani dengan menyatakan bahawa riwayat-riwayat Syiah jauh lebih berat dalam mengenepikan kaum wanita, antaranya Hadis yang diriwayatkan oleh al-Kulaini berbunyi: "**Janganlah kamu memberi tempat kepada mereka (wanita) di dalam kamar-kamar dan jangan kamu ajar mereka menulis, tetapi ajarlah mereka bagaimana memintal benang dan surah al-Nur**". Hadis ini turut dinukilkkan oleh penulis Syiah terkemudian seperti *al-Hurr al-'Amili* dalam kitabnya *Wasa'il al-Syiah* yang meletakkan tajuk "**Bab kesunatan mengajar kaum wanita Surah al-Nur dan tenunan, tanpa mengajar Surah Yusuf dan menulis**" dan dalam bab lain dia telah meletakkan di bawah tajuk "**Bab kemakruhan menyediakan kaum wanita dibilik-bilik mengajar menulis dan surah Yusuf....**". Bagi para Ulama' Ahli Sunnah, Hadis ini tidak *thabit* dan matannya bercanggah dengan hadis-hadis sahih. Oleh itu, zahir hadis yang mengatakan wanita tidak dibenarkan untuk belajar menulis dan surah Yusuf adalah bertentangan dengan galakan belajar yang diperintakan dalam agama Islam tanpa mengira jantina. Persoalannya, mengapa riwayat-riwayat sebegini juga wujud dalam ajaran Syiah jika benar Syiah itu ajaran yang tidak mendiskriminasi wanita seperti dakwaan FT? Berbalik kepada hadis yang didakwa mendiskriminasikan kaum wanita, ianya hanyalah dakwaan kosong daripada seseorang yang berniat serong terhadap hadis Rasulullah SAW. *Abu Said al Khudri* bercerita, katanya: "**Pada hari raya Idul Adha atau hari raya Idul Fitri, Rasulullah saw keluar rumah pergi ke tempat solat. Beliau lalu ke tempat kaum wanita solat dan di situ beliau bersabda: "Hai, kaum wanita! Bersedekahlah kamu sekalian. kerana saya melihat, kaum wanita lah yang terbanyak di antara penduduk neraka".** Mereka bertanya, "Sebab apa, ya Rasulullah?" Jawab Rasulullah saw, "Kerana kamu sekalian banyak mencerca orang dan engkar kepada suami. Saya tidak melihat di antara orang-orang yang kurang akal dan agamanya, yang lebih merosakkan hati laki-laki yang cermat, selain daripada kamu sekalian." Tanya mereka, "Kurang bagaimakah akal dan agama kami, ya Rasulullah?" Jawab Nabi, "**Bukankah kesaksian kaum wanita seperdua kesaksian kaum lelaki?**" Kata mereka, "**Betul!**" Jawab Nabi. "Itulah salah satu bukti bahawa akalnya kurang. **Bukankah apabila wanita itu haid, dia tidak solat dan tidak pula puasa?**" Jawab mereka, "**Betul!**" Sabda Nabi SAW. "**Itulah salah satu bukti bahawa agama mereka kurang**" (Hadis Sahih Bukhari Jilid 1. Hadis Nombor 0192). Pada hakikatnya, hadis tersebut termasuk dalam jenis *Hadith al-Targhib wa al-Tarhib* yang bertujuan memberi galakan atau ancaman dalam sesuatu amalan. Ini kerana golongan wanita yang dimaksudkan oleh Nabi SAW sebagai penghuni

neraka tersebut adalah merujuk kepada mereka yang melakukan maksiat kepada Allah SWT seperti tidak mensyukuri dan menghargai pemberian suami (HadiS Sahih al-Bukhari) dan berpakaian yang mendedahkan aurat (Hadis Sahih Muslim).

### ***Isu Mengharuskan Ratifikasi ICERD***

ICERD adalah satu instrumen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan hak asasi manusia. Ia berkuatkuasa ke atas negara-negara yang meraktifikasinya untuk menghapus semua bentuk diskriminasi kaum tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang dibuat negara berkenaan bab-bab tertentu. Dalam konvensyen ini, istilah 'diskriminasi kaum' bermaksud sebarang perbezaan, pengecualian, sekatan atau keutamaan berdasarkan bangsa, warna, keturunan, atau asal-usul kebangsaan atau etnik yang mempunyai maksud atau kesan membatalkan atau merosakkan pengiktirafan, penikmatan dan penggunaan, atas asas yang sama hak asasi manusia. Malaysia adalah salah satu daripada 15 negara yang belum lagi meratifikasi ICERD. Wan Haron Wan Hassan (2018), menerusi portal Sinar harian pada 14 November hanya menilai dan merungkai jalan penyelesaian ICERD mengikut prisma dan dalam kerangka Islam sahaja. Mengikut fahamannya lagi Islam tidak mengiktirafkan politik perkauman. Firman Allah SWT: "*Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya ALLAH Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya.*" (Al-Hujurat: 13). Sabda Nabi SAW: "*Wahai manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu sama, bapa kamu sama (Adam). Ketahuilah! Tiada kelebihan orang arab ke atas ‘ajam (yang bukan arab), atau ‘ajam ke atas arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan*" (Riwayat Ahmad dan al-Baihaqi, dinilai hasan oleh al-Albani). Firman ALLAH dalam Surah Al-Hujurat;10 yang bermaksud: "*Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi ALLAH ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya ALLAH Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya*". Mufti Perlis, Datuk Dr. Mohd Asri Zainul Abidin ada mengulas bahawa tiada kaum yang boleh menganggap mereka 'lebih tuan' dalam ertikata '*racial supremacy*'. Mengikut beliau, apa-apa sahaja tindakan atau peraturan yang boleh membawa permusuhan kaum, atau permusuhan atas dasar bangsa dan etnik, maka ia menjurus kepada unsur ketidakadilan yang ditolak oleh prinsip asas Islam. Tambahnya lagi, walaupun Islam menentang *asabiyyah* namun Islam tidak menentang usaha membantu dan memartabatkan kaum sendiri, jika ada keperluan ke arah itu dan tidak membawa kepada pemusuhan antara puak dan kaum. Katanya, *asabiyyah* sebenarnya adalah sikap berpuak yang membawa kepada membelakangkan kebenaran dan kezaliman kepada pihak lain. Sikap fanatik puak itu mungkin menjelma dalam bentuk bangsa, ataupun parti politik, atau mazhab, atau kumpulan atau apa sahaja yang fanatik dan menolak kebenaran orang lain. Sabda Nabi: "*Sesiapa yang berperang di bawah rayah ‘immiyyah (bendera kebutaan) dan menyeru kepada ‘asabiyyah atau marah kerana ‘asabiyyah maka kematiannya adalah jahiliyyah*". Nabi juga bersabda bahawa: "*Sesiapa yang menyakiti orang bukan Islam yang berada di bawah perlindungan Islam, maka ia telah menyakiti aku, dan barang siapa yang menyakiti aku, maka ia telah menyakiti Tuhan*". Merujuk kepada ayat-ayat Quran dan hadis-hadis diatas, maka jelas bahawa Islam menentang keras sikap perkauman.

### ***Isu Tanggungjawab Bapa Terhadap Anak Tidak Sah Taraf***

Dalam Hadis tersebut, Aishah RA melaporkan: *Sa'd bin Abu Waqqas dan Abd' bin Zaman telah bertikai mengenai seorang budak lelaki. Sa'd berkata, "Wahai Rasulullah, dia ini anak kepada saudara saya, Utba bin Abu Waqqas, yang telah memesan dengan jelas bahawa kanak-kanak itu ialah anaknya. Lihatlah rupanya." Abd' bin Zaman pula berkata, "Wahai Rasulullah, dia adalah adik saya kerana dia dilahirkan oleh hamba sahaya bapa saya di atas hamparan tidur bapa saya." Rasulullah s.a.w. melihat budak itu dan mendapati rupanya sama dengan Utba. Tetapi Rasulullah s.a.w. bersabda, "Dia adalah untukmu wahai Abd' bin Zaman kerana anak adalah kepunyaan orang yang pada hamparan tidurnya dia dilahirkan, dan hukuman rejam adalah untuk penzina".* (Sahih Muslim, Jilid II, Kitab al-Nikah, no. 3435) Hadis tersebut tidak membenarkan pihak bapa anak tak sah taraf mendapatkan hak jagaan ke atas anak itu. Riwayat tersebut adalah mengenai kes pertikaian jagaan anak, Rasulullah SAW telah memberi hak jagaan anak itu kepada keluarga lelaki yang menikahi ibu anak itu dan bukan keluarga lelaki yang sebenarnya bapa kandung anak itu kerana "Anak adalah kepunyaan lelaki yang pada hamparan tidurnya dia dilahirkan". (Anak itu dianggap sebagai anak pasangan suami isteri yang sah). Apa yang dituntut oleh pertubuhan *Sisters In Islam* (SIS) ialah supaya diadakan peruntukan bahawa bapa juga bertanggungjawab mengenai nafkah anak tak sah tarafnya setelah dibuktikan melalui ujian perubatan bahawa anak itu adalah-anaknya. Mempertanggungkan pihak bapa anak tak sah taraf membuat bayaran kewangan boleh juga dilihat sebagai suatu bentuk hukuman ke atas pihak bapa yang berdosa itu.

### ***Isu Menempelak Islam Adalah Bebas Beragama***

Kassim Ahmad seorang pengasas GAH di Malaysia. Beliau mempunyai jaringan sosial dan pemikiran dengan tokoh-tokoh GAH di luar Malaysia, bahkan berjaya menarik perhatian golongan tertentu sehingga diadakan seminar kursus untuk mengkaji pemikiran beliau. *Dari Ibnu Abbas r.a.: Ketika ia mendengar berita bahawa Ali membakar, suatu kaum, Ia berkata: Kalau saya, mereka tidak saya bakar, kerana pernah Nabi s.a.w. bersabda: "Janganlah kamu menyeka dengan cara seksaan Tuhan!" Saya akan membunuh mereka, sebagaimana Nabi s.a.w. bersabda: "Siapa yang menukar agama, bunuhlah!"* (Hadis Sahih Bukhari Jilid 3. Hadis Nombor 1362). Dalam penulisannya di blog beliau ada menulis sebuah hadith yang menyatakan "*Siapa yang menukar agama, bunuhlah!*". Beliau juga menyatakan kebebasan ini mutlak. Tidak ada kebebasan jika orang Islam tidak boleh menukar agamanya. Kebebasan bermakna bebas masuk (Islam) dan bebas keluar. Bukan sahaja sanadnya lemah, tetapi disepakati oleh kebanyakan ahli hukum Islam bahawa Nabi Muhammad SAW tidak pernah membunuh kerana murtad semata-mata. Bagi kelompok Islam Liberal yang jahil ini mereka berhujah bahawa hak untuk murtad menurut mereka adalah kebebasan beragama yang juga diakui oleh al-Quran. Mereka menyalah tafsirkan ayat Allah yang berbunyi: "**Tidak ada paksaan dalam agama.**" (al-Baqarah: 256)

### ***Isu Hadis Tajdid Membenarkan Berlakunya Reformasi***

Hadis Nabi ini sangat penting dan telah menimbulkan banyak pentafsiran berkaitan makna dan impaknya sepanjang zaman. Apa yang ditegakkan secara kesepakatan (*ijma'*) dalam akidah Islam adalah Nabi Muhammad SAW sebagai utusan terakhir dan baginda melambangkan peringkat terakhir dalam lingkaran kenabian. Hadis tersebut telah mengungkapkan kepada kita bahawa masyarakat Muslim akan didampingi dan dipandu oleh ilmuwan ataupun pemikir yang membantu "menumbuhkan semula" ataupun "memperbaharui" agama Islam setiap 100 tahun ataupun lebih. Kenyataan yang lebih tepat, iaitu sumber wahyu (al-Quran dan as-sunnah) kekal sebagai rujukan primer dan fundamental

keimanan serta pengamalannya adalah sama sepertinya, tetapi pembacaan dan kefahaman kita terhadap teks akan “diperbaharui” melalui sumbangan para pemikir dan ulama’ tersebut yang akan mengarahkan kepada perspektif baharu dengan menghidupkan kembali keimanan sambil merangsang minda bagi membolehkan kita menghadapi cabaran-cabaran pada zaman masing-masing. Dalam perdebatan kontemporari terhadap “reformasi” bagi Alam rujukan Islami, hal perundangan al-Quran berulang-kali diberi penekanan. Perkara tersebut seolah-olah tiada reformasi yang sebenarnya boleh berlaku jika perundangan al-Quran itu sendiri sebagai kalam Allah yang diwahyukan kepada manusia tidak dibincang atau dipersoalkan. Keadaan ini dinyatakan secara jelas, dan adakala disampaikan dalam istilah-istilah radikal oleh sesetengah pembicara Kristian dan Yahudi dalam banyak lingkaran antara agama dan daripada sebilangan ulama’ Muslim. Mereka berhujah bahawa Islam dan Muslim tidak “berkembang” atau mengalami “reformasi” pada agama dan pengamalannya, kecuali Muslim mempersoalkan status al-Quran sebagai kalam mutlak Tuhan dan melaksanakan sebuah pembacaan dan pentafsiran dengan kaedah pembacaan persejarahan-kritikal (*historical-critical reading*), kerana pentafsiran kritis itu sahaja akan membenarkan sebuah “pembaharuan” sebenar terhadap Islam yang sama dengan reformasi Protestan atau Vatican II. Hujah ini sangat Berjaya di Barat.

## KESIMPULAN

Konklusinya, *Living Hadis* ialah hadis yang digunakan bermula dari ijtihad yang disepakati dalam suatu kelompok muslim yang di dalamnya terdapat Ijma’, kesepakatan para ulama’ dan tokoh-tokoh agama di dalam kegiatannya. *Living Hadis* merupakan kajian hadis yang berada pada dua sisi, pertama sejarah dan yang kedua ialah mengenai fenomena sosial yang terdapat dalam masyarakat, berdasarkan dari hadis Rasulullah SAW mahupun kehidupan harian baginda SAW. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hadis-hadis Rasulullah SAW telah diselewengkan dari segi pemahaman makna hadis mengikut kepentingan diri sendiri. Dalam menilai tahap kualiti sesuatu pemikiran corak reform, moden dalam Islam menekankan aspek pembaharuan terhadap unsur-unsur tradisional tetapi dalam kadar yang sederhana dan terkawal. Manakala pemikiran bercorak liberal juga mempunyai penekanan terhadap aspek perubahan dan pembaharuan tetapi kadarnya dilihat bersifat radikal terhadap unsur-unsur tradisional dalam pemikiran Islam. Maka kajian ini diharap memberi impak terhadap kesedaran masyarakat agar dapat memelihara dan menjaga konteks ketepatan hadis.

## PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2017. No Geran: 2017/P/GPIK/INHAD/GPP-001, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk “Penyalahgunaan *Living Hadis* Dalam Kalangan Kelompok Liberal: Satu Sorotan Literatur Secara Sistematik”. Penghargaan setinggi-tingginya kepada Institut Kajian Hadis Dan Akidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang menaja penyelidikan ini.

## RUJUKAN

Aminudin Basir @ Ahmad, Mohd Radzi Othman & Nik Yusri Musa. 2006. Konsep Al-Sunnah Menurut Ahli Hadith. *Jurnal Pengajaran Umum* Bil. 8. 1-22.

Budhy Munawar-Rachman, 2011. *Islam dan Liberalisme*. Moh. Shofan. Jakarta: Friedrich-Naumann-Stiftung.

<http://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>

<http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/icerd-isu-sensitif-tangani-dengan-sensitif-1.904239>

<http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.1326.8>

<https://www.ismaweb.net/2018/10/29/all-muslims-should-support-ratification-of-un-anti-racial-discrimination-treaty/>

<https://www.ismaweb.net/2018/10/29/sokong-ratifikasi-icerd-seiring-khutbah-wada-dakwahsis/>

[http://www.sistersinislam.org.my/files/downloads/cadangsis\\_anaktaksahtaraf\\_7feb2002.pdf](http://www.sistersinislam.org.my/files/downloads/cadangsis_anaktaksahtaraf_7feb2002.pdf)

Kassim Ahmad. 2002. *Dilema Umat Islam- Antara Hadis dan Quran*. Pulau Pinang: Wisma KGN Pengkalan Weld.

Kassim Ahmad. 2008. *Mencari Jalan Pulang Daripada Sosialisme Kepada Islam*. Selangor: ZI Publications Sdn. Bhd.

Komuniti Muslim Universal (KMU) Malaysia Twitter  
[https://twitter.com/KMU\\_MY/status/1064718587158396930?s=08](https://twitter.com/KMU_MY/status/1064718587158396930?s=08)

Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid Dan Fadlan Mohd Othman. 2012. *Islam Liberal Isu Dan Reaksi*. Selangor: Jabatan Agama Islam.

Mirna Fidiana. 2014. *Study al-Quran dan al-Hadis; Bab Metodologi Penelitian The Living Quran dan Hadis*). UIN Maliki Press.

Mohd Aizam Bin Mas'od. 2013. *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Shah Alam: Reka Cetak Sdn. Bhd.

Prof. Dr. H. Ramli Abdul Wahid MA. 2017. *Masa Depan Perkembangan Kajian Hadis di Nusantara*. Kertas dibentangkan, anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 15 Nov, Bangi.

Rifyal Ka'bah. 1994. *Islam dan Serangan Pemikiran*, Jakarta: Granada Nadia.

Tariq Ramadhan. 2018. *Reformasi Radikal Etika Islami Dan Pembebasan*. Kuala Lumpur : Islamic Renaissance Front Berhad.

Zaidul Amin Suffian Ahmad, Abdul Mukti Baharudin, Norzi Nasir, Rosni Wazir, Asyikin Hasan Adali. 2016. Kesan pemikiran Liberal Terhadap Golongan Anti hadith Di Malaysia. M.s 1-10. Prosiding Imam 2017. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.